



Mohammad Shatar (dua dari kanan) **beramah mesra dengan Mohamad Firdaus** pada Pendaftaran pelajar baru di Kolej Kediaman 16, UPM, semalam.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]



Pihak UPM menyediakan bas untuk pelajar dan ibu bapa bagi memudahkan urusan pendaftaran.

[FOTO ROSELA ISMAIL/BH]

# Buta tidak halang lanjut pengajian

» **Atlet paralimpik sambung pelajaran di UPM**

Oleh **Akmal S Manaf**  
akmal.syazwan@bh.com.my

► **Serdang**

**C**acat penglihatan tidak menghalang Mohamad Firdaus Ngatim, 22, mengejar impian melanjutkan pengajian di Universiti Putra Malaysia (UPM).

Mahasiswa dari Kluang, Johor itu yang akan memulakan pengajian Ijazah Sarjana Muda Bahasa dan Linguistik, berkata mata kanannya cacat sejak lahir, namun tidak pernah menjadi penghalang untuknya menyambung pengajian ke peringkat lebih tinggi.

"Kecacatan ini menguatkan lagi semangat saya untuk terus menuntut ilmu. Ketika Tingkatan 6 di Maktab Sultan Idris, Johor Bahru, guru dan rakan banyak membantu. Saya masih dipinjamkan mata kiri walaupun penglihatan sangat kabur dan hanya bagi jarak dekat," katanya.

Bercita-cita menjadi pen-

syarah bahasa dan linguistik Melayu, beliau bukan sahaja cemerlang akademik, tetapi juga sukan apabila memenangi pingat emas acara lempar cakera dan pingat perak bagi acara lontar peluru kategori paralimpik pada Sukan SEA Myanmar, dua tahun lalu.

**Minat sukan**

Katanya, dia akan berangkat ke Singapura pada 7 September ini, menyertai pemilihan atlet lontar peluru untuk kategori paralimpik pada Sukan SEA selepas ini.

Beliau ditemui ketika menyertai 3,800 pelajar baharu UPM mendaftar bagi sesi semester pertama 2015/2016, semalam. Mereka akan memulakan pembelajaran pada 7 September ini.

Sementara itu, Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni) UPM, Prof Datuk Dr Mohamad Shatar Sabran, berkata seramai 2,668 daripada pelajar baharu berkenaan adalah perempuan, manakala selebihnya lelaki.

"Daripada jumlah itu, 176 adalah pelajar antarabangsa, termasuk dari Uzbekistan dan Arab Saudi mendaftar bagi program ijazah sarjana muda membabitkan pengajian Sains Komputer dan Komunikasi, Pertanian, Pentadbiran Perniagaan dan Kejuruteraan," katanya.